

# Syarikat digalakkan laksanakan Safe@Work

**Kuala Lumpur:** Syarikat di negara ini digalakkan melaksanakan inisiatif Safe@Work bagi mengelakkan risiko operasi ditutup sekiranya berlaku penularan wabak COVID-19 secara mendadak di tempat kerja mereka.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata walaupun Safe@Work tidak diwajibkan, kerajaan menggalakkan syarikat berkaitan untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan inisiatif itu kerana jika berlaku penutupan operasi, ia akan mengakibatkan risiko kehilangan pekerjaan dan perkembangan ekonomi negara terban-tut.

"Safe@Work tidak diwajibkan, namun syarikat digalakkan melaksanakannya bagi mengelakkan risiko penutupan operasi sekiranya penularan wabak COVID-19 berlaku secara mendadak. Ini akan mengakibatkan risiko kehilangan pekerjaan dan membantutkan perkembangan ekonomi negara.

"Oleh itu, saya sekali lagi ingin menggalakkan pihak syarikat berkaitan mengambil bahagian dalam pelaksanaan Safe@Work ini," katanya dalam Twitter beliau.

Safe@Work adalah antara inisiatif diperkenalkan kerajaan dalam Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Rabu lalu. Melalui Safe@Work, majikan perlu menyediakan tempat kerja dan penginapan yang kondusif untuk pekerja.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memaklumkan, pendaftaran Safe@Work terbuka kepada syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan yang boleh dilakukan di CIMS: notification.miti.gov.my, bermula 1 April depan atau layari [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Dalam perkembangan lain, beliau yang ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumban-



**Mohamed Azmin Ali**

ngan Khas COVID-19 Untuk Sekolah Parlimen Gombak sumbangan Texas Instruments Malaysia Sdn Bhd di ibu negara semalam, berkata PEMERKASA antara lain untuk memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberi sokongan beralih kepada teknologi terkini seperti automasi, robotik dan penggunaan ekonomi digital.

"Penggunaan digital ekonomi menjadi lebih pantas bergerak, sekali gus menyaksikan peningkatan dalam e-dagang. Kita lihat peningkatan dalam e-dagang me-

ingkat berkali ganda dan ini sekali gus memberi peluang kepada PKS tembusi pasaran baharu di luar Malaysia.

"Pasaran Malaysia terlalu kecil, kita hanya mempunyai 32 juta penduduk, tetapi kalau (kita) mampu gunakan teknologi digital, kita boleh tembusi pasaran di rantau ASEAN yang penduduknya mencecah 650 juta," katanya.

PEMERKASA yang mempunyai lima fokus utama, akan menumpukan kepada 20 inisiatif strategik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan meneruskan bantuan bersasar kepada rakyat dan sektor yang masih terkesan.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang dimeterai sebelum ini juga adalah antara inisiatif kerajaan untuk mengangkat penggiat industri tempatan berada di persada antarabangsa.